



**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
**ZON MARITIM BINTULU**  
Sub Lot 1-5, Lot 1174, Blok 32 (Batu 5)  
Wisma Peng Seng, Daerah Tanah Kemena,  
Jalan Bintulu-Miri  
**97000 BINTULU, SARAWAK**  
**MALAYSIA**



Telefon : **086-314237 / 314254**  
Fax : **086-312268**  
Bilik Operasi (24 Jam) : **082-432544**

Ruj Kami : APMM.W4.100-2/1/7 Jld11(33)  
Tarikh : 28 September 2022

## **SIARAN MEDIA**

### **OPERASI CARILAMAT MANGSA BOT PANCING YANG KARAM DITAMATKAN SETELAH TIADA PETUNJUK BARU, MRSC KUCHING**

BINTULU, 28 September – Maritime Rescue Sub Center (MRSC) Kuching telah mengkoordinasikan operasi CARILAMAT bersama agensi sahabat ditamatkan pada jam 3.00 petang tadi setelah tiada petunjuk baharu berkaitan mangsa ditemui.

Pengarah Zon Maritim Bintulu, Kepten Maritim Mohd Khairol Anuar bin Saad berkata, keputusan untuk menamatkan OP CARILAMAT ini dibuat setelah tiada sebarang penemuan petunjuk baharu sepanjang tujuh hari operasi dijalankan. Walaupun begitu, 11 mangsa yang terlibat, lapan berjaya ditemui selamat, dua dijumpai telah meninggal dunia. Hanya seorang mangsa yang dikenali sebagai Wong Yuk Kong, 62 tahun, masih gagal dijumpai.

Jumlah keluasan pencarian sepanjang tujuh hari ini seluas 1319.87 batu nautika persegi yang melibatkan udara dan laut.

Pelbagai aset kerajaan telah digunakan sepanjang OP CARILAMAT iaitu Pesawat Udara CL415 BOMBARDIER, KM KOTA KINABALU (Maritim Malaysia), kapal PA 49 (Pasukan Polis Marin), bot PL603 (Jabatan Perikanan Laut Sarawak), pesawat udara EC725 (Tentera Udara Diraja Malaysia), bot Penyelamat BP173 (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia) dan bot A086 (Angkatan Pertahanan Awam) serta turut dibantu pihak dari PETRONAS dan SHELL. Operasi mencari juga turut dibantu oleh orang awam daripada Persatuan Komuniti Pemancing Sarawak dengan

melibatkan bot HIMAJAYA 7 serta empat buah bot fiber dalam melakukan pencarian.

Pencarian darat turut dilakukan di Pantai Penat, Tanjung Bunut, Pantai Kingwood Resort dan Pantai Kampung Judan sepanjang tempoh tujuh hari OP CARILAMAT oleh anggota yang terlibat di Pangkalan Hadapan Carilamat (PHC) yang bertempat di Jeti LKIM Mukah.

Terdahulu, bot pancing yang membawa sembilan pemancing dan tiga kru termasuk tekong telah karam di perairan Mukah pada 20 September jam lebih kurang 8.30 malam di kedudukan lebih kurang 34 batu nautika dari barat laut mukah. Dua mangsa terawal dijumpai oleh MT CAPELLA sedang hanyut di perairan Mukah sekitar jam 3.00 petang pada 21 September. Selebihnya iaitu lapan orang dijumpai ketika SAR dilaksanakan di dalam kawasan pencarian.

Maritim Malaysia turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Polis Marin (PPM), Jabatan Perikanan Laut Sarawak (JPLS), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Residen Mukah, PETRONAS, SHELL, Persatuan Komuniti Pemancing Sarawak (PKPS) serta semua yang telah terlibat sepanjang tujuh hari OP CARILAMAT dilakukan yang telah dikoordinasikan oleh MRSC Kuching (Maritim Malaysia).

Maritim Malaysia sentiasa mengalu-alukan maklumat daripada seluruh Komuniti Maritim untuk melaporkan sebarang kecemasan di laut secara terus melalui talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Bintulu ditalian 086-314 254 dan Pusat Operasi Maritim Negeri Sarawak 082-432544/ 082-432016 yang beroperasi 24 jam.

**Kepten Maritim Mohd Khairol Anuar Bin Saad**  
**Pengarah Zon Maritim Bintulu**  
**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

**-TAMAT-**

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:

Pegawai Perhubungan Awam

Leftenan Madya Maritim Aziz bin Mohd Hamdi

Tel : 010-361 1446

Email : [azizhamdi@mmea.gov.my](mailto:azizhamdi@mmea.gov.my)